

# **HUBUNGAN ANTARA KERJA BERPASUKAN DENGAN KEPUASAN KERJA KETUA PANITIA SEKOLAH RENDAH W.P.LABUAN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENGURUSAN  
PENDIDIKAN**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2013**

## **ISI KANDUNGAN**

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERKARA</b>	
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Isi Kandungan	iv - vii
Senarai Singkatan	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	x
Lampiran A – Soal Selidik	xi
Lampiran B – Surat Kelulusan menjalankan Kajian	xii
Lampiran C – Dapatkan Analisis Data Melalui SPSS	xii



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat limpah dan kurniaNya, akhirnya kajian dan disertasi ini telah berjaya disiapkan mengikut perancangan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ditujukan kepada penyelia penyelidikan dan disertasi saya iaitu Dr. Mohamad Nizam Bin Nazarudin atas segala jasa dan pengorbanan beliau dalam memberikan bimbingan, panduan, teguran dan motivasi kepada saya bermula dari proses awal penyediaan kajian sehingga penghasilan disertasi ini. Pengorbanan masa, buah fikiran dan tenaga beliau curahkan selama ini amat saya hargai dan hanya Allah yang dapat membalaunya. Seterusnya, ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada semua pensyarah Universiti Malaysia Sabah sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam kajian ini.

Seterusnya penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri W.P.Labuan atas kelulusan dan kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan kajian ini. Tidak dilupakan juga penghargaan dan terima kasih ini buat warga SKK SK St. Anne Labuan yang banyak memberi pandangan dan nasihat serta dorongan dari segi masa dan menyokong usaha saya pada peringkat pengajian ini.

Di sini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat insan yang teristimewa, kedua ibu bapa saya, Pn. Lyiha Ismail dan En. Daniel Paul, terima kasih kerana memberi sokongan padu dan sanggup berjuang bersama-sama saya dalam kembara memburu sarjana ini. Atas dorongan dan bantuan kedua ibu bapa saya jugalah kajian dan disertasi ini dapat disiapkan dengan sempurna. Akhir sekali, ucapan terima kasih ini turut ditujukan kepada individu atau pun pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam proses penyiapan kajian ini. Semoga budaya kerjasama dan sikap saling bantu membantu ini akan berterusan seiring dengan gagasan murni kita, Satu Malaysia.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Kejayaan proses pembelajaran dan pengajaran serta kepuasan kerja seseorang individu adalah berkait rapat dengan amalan kerja berpasukan yang dilaksanakan dalam sesebuah organisasi sekolah. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap perbezaan dan hubungan kerja berpasukan dengan kepuasan kerja ketua panitia bagi matapelajaran teras dan wajib di sekolah rendah W.P.Labuan. Seramai 136 orang ketua panitia matapelajaran teras dan wajib terlibat sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah disesuaikan daripada kajian Shek Kwai Fun (2007) dan Hasbi Binti Mohd Ajar (2011). Data-data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian 'The Statistic Package for the Science School (SPSS) versi 16.0' yang menggunakan analisis diskriptif dan analisis inferensi. Ujian-t dan ujian Korelasi Pearson adalah alat pengukuran yang digunakan untuk menguji hipotesis dan menjawab persoalan kajian. Dapatkan analisis ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kerja berpasukan ( $t = 2.310$ , nilai signifikan =  $.022 < 0.05$ ) ketua panitia berdasarkan kategori panitia matapelajaran. Manakala ujian-t turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepuasan kerja ( $t = .724$ , nilai signifikan =  $.47 > 0.05$ ) ketua panitia berdasarkan kategori panitia matapelajaran. Hasil analisis inter-korelasi pula menunjukkan korelasi positif yang sangat lemah antara kerja berpasukan dan kepuasan kerja semua ketua panitia yang dikaji ( $r = .264$ ), manakala korelasi antara kerja berpasukan dan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran teras ( $r = .315$ ) adalah lemah dan korelasi kerja berpasukan dengan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran wajib ( $r = .209$ ) adalah sangat lemah. Hanya korelasi hubungan panitia matapelajaran teras signifikan pada  $p < .01$ . Oleh sebab itu, hipotesis nol ini gagal ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan antara kerja berpasukan dan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran walaupun hubungan sangat lemah. Sehubungan itu, kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan untuk melihat variable-variabel lain yang mempunyai hubungan yang kuat dengan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran selain variable kerja berpasukan.

## **ABSTRACT**

The success of teaching and learning as well as individual job satisfaction is closely related to practice team work undertaken in a school organization. The purpose of this study was to observe the differences and relationships between job satisfaction and teamwork of head panels for the core and compulsory subjects in primary school. A total of 136 head panel involved as respondents. The study instrument used a set of questionnaire that was adapted from the study of Hasbi Mohd Ajar (2011). The data was analyzed by using software of Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 16.0 for Windows. This study used T-test and Pearson correlation test as a measurement tool. The t- test showed that there are significant differences for teamwork ( $t = 2310$ , significant value = .022 <0.05) between both subjects. The t-test also showed that there was no significant differences in job satisfaction ( $r = .724$ , significant value = .47 > 0.05) of head panel for both subjects. The inter-correlation showed a very weak significant relationship between teamwork and job satisfaction head panel ( $r = .264$ ), whereas the weak relationship between teamwork and job satisfaction head panel core subjects ( $r = .315$ ) and also no significant relationship between teamwork job satisfaction head panel compulsory subjects. Hence, null hypothesis for core subjects failed to be rejected because there is significant relationship between teamwork and job satisfaction between head panel. This study also made several suggestions to see whether any other variable has a strong relationship with job satisfaction.

## Isi Kandungan

Perkara	Muka Surat
<b>Bab 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1 – 3
1.2 Latar Belakang Kajian	3 – 8
1.3 Pernyataan Masalah	8 – 13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Tujuan Kajian	14 – 15
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Batasan Kajian	15 – 16
1.10 Definisi Operasional	16
1.10.1 Kerja Berpasukan	16 – 17
1.10.2 Pasukan Kerja	17 – 18
1.10.3 Kepuasan Kerja	18
1.10.4 Ketua Panitia	18 – 19
1.10.5 Panitia Matapelajaran	19
1.10.6 Panitia Matapelajaran Teras	19
1.10.7 Panitia Matapelajaran Wajib	19 - 20
1.11 Kesimpulan	20
<b>Bab 2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Pengurusan Kurikulum Sekolah	21 - 24
2.3 Panitia Matapelajaran	24 – 26

2.4	Konsep Kerja Berpasukan	26 – 27
2.5	Model Kerja Berpasukan	27
	2.5.1 Model Komunikasi Berlo	27
	2.5.2 Model Proses Penentuan Maklumat	28
	2.5.3 Model Penyelesaian Masalah	29
2.6	Teori Kepuasan Kerja	29 – 30
	2.6.1 Teori Dua Faktor Herzberg	30- 31
	2.6.2 Teori Hierarki Keperluan	31
2.7	Kajian-kajian Lepas	31 - 32
	2.7.1 Pasukan Kerja	32
	2.7.2 Kerja Berpasukan dalam Organisasi Sekolah	32 – 33
	2.7.3 Kelebihan Kerja Berpasukan	33 - 35
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	36
2.9	Kesimpulan	37



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### **Bab 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	38
3.2	Rekabentuk Kajian	38 – 39
3.3	Lokasi Kajian	39
3.4	Populasi Kajian	39 – 41
3.5	Instrumen Kajian	41 - 44
3.6	Kajian Rintis dan Ujian Kebolehpercayaan	44 – 45
3.7	Pengumpulan Data	45 – 46
3.8	Analisis Data	46 – 49
3.9	Kesimpulan	50

## **Bab 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	51
4.2 Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik	51 – 52
4.3 Demografi Responden	52
4.3.1 Penganalisisan Responden Berdasarkan Jantina	52 – 53
4.3.2 Penganalisisan Responden Berdasarkan Umur	53
4.3.3 Penganalisisan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	53 - 54
4.3.4 Penganalisisan Responden Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat sebagai Ketua Panitia	54
4.3.5 Rumusan Taburan Keseluruhan Responden mengikut Demografi	55
4.4 Pengujian Persoalan Kajian dan Hipotesis	56
4.4.1 Analisis Deskriptif	
4.4.1.1 Analisis Tahap Kerja Berpasukan Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	56
4.4.1.2 Analisis Tahap Dimensi Kerja Berpasukan Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	57
4.4.1.3 Analisis Tahap Kepuasan Kerja Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	58
4.4.2 Analisis Inferensi Ujian-t	58
Hipotesis 1 ( $H_{01}$ )	59
Hipotesis 2 ( $H_{02}$ )	59 – 60
Hipotesis 3 ( $H_{03}$ )	60
Hipotesis 4 ( $H_{04}$ )	60 - 61

## **Bab 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	51
4.2 Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik	51 – 52
4.3 Demografi Responden	52
4.3.1 Penganalisisan Responden Berdasarkan Jantina	52 – 53
4.3.2 Penganalisisan Responden Berdasarkan Umur	53
4.3.3 Penganalisisan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	53 - 54
4.3.4 Penganalisisan Responden Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat sebagai Ketua Panitia	54
4.3.5 Rumusan Taburan Keseluruhan Responden mengikut Demografi	55
4.4 Pengujian Persoalan Kajian dan Hipotesis	56
4.4.1 Analisis Deskriptif	
4.4.1.1 Analisis Tahap Kerja Berpasukan Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	56
4.4.1.2 Analisis Tahap Dimensi Kerja Berpasukan Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	57
4.4.1.3 Analisis Tahap Kepuasan Kerja Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	58
4.4.2 Analisis Inferensi Ujian-t	58
Hipotesis 1 ( $H_{01}$ )	59
Hipotesis 2 ( $H_{02}$ )	59 – 60
Hipotesis 3 ( $H_{03}$ )	60
Hipotesis 4 ( $H_{04}$ )	60 - 61

## **Bab 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	62
5.2	Perbincangan	62
5.2.1	Tahap Kerja Berpasukan Ketua Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	63 – 64
5.2.2	Tahap Kepuasan Kerja Ketua Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	64 - 65
5.2.3	Tahap Dimensi Kerja Berpasukan berdasarkan Kategori Matapelajaran	65 - 68
5.2.4	Perbezaan Kerja Berpasukan antara Ketua Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	68 – 70
5.2.5	Perbezaan Kepuasan Kerja antara Ketua Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	70 - 71
5.2.6	Hubungan antara Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	71 – 73
5.3	Cadangan	73
5.4	Penutup	74

## **BIBLIOGRAFI**

## **SENARAI SINGKATAN**

SPSS

The Statistical Package for the Social Science



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

**Muka Surat**

### **PERKARA**

Rajah 2.2.1	Struktur dan Fungsi Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	23
Rajah 2.5.2.1	Model Proses Penentuan Maklumat	28
Rajah 2.8.1	Kerangka Konseptual Kajian	19 – 21



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

<b>PERKARA</b>		<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.3.1	Bilangan Sekolah W.P.Labuan	39
Jadual 3.4.1	Penentuan Saiz Sampel	40
Jadual 3.4.2	Taburan dan jumlah Panitia Matapelajaran Teras dan Wajib	41
Jadual 3.5.1	Bilangan Item mengikut bahagian dalam Soal Selidik	43
Jadual 3.5.2	Taburan Item Aspek Kerja Berpasukan	43
Jadual 3.5.3	Taburan Item Aspek Kepuasan Kerja	44
Jadual 3.6.1	Nilai Alfa Cronbach bagi Pemboleh Ubah Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia	45
Jadual 3.8.1	Alat Pengukuran Data Kajian (Persoalan Kajian)	47
Jadual 3.8.2	Ujian kebolehpercayaan pekali Alpha Cronbach	48
Jadual 3.8.3	Taburan nilai min mengikut tahap	48
Jadual 3.8.4	Kekuatan nilai pekali Korelasi Pearson	49
Jadual 3.8.5	Alat Pengukuran Data Kajian (Hipotesis Kajian)	49
Jadual 4.2.1	Nilai Alpha Cronbach bagi pemboleh ubah Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja	52
Jadual 4.3.1	Taburan Responden berdasarkan Jantina	53
Jadual 4.3.2	Taburan Responden berdasarkan Umur	53
Jadual 4.3.3	Taburan Responden berdasarkan tahap Pendidikan	54
Jadual 4.3.4	Taburan Responden berdasarkan Pengalaman Berkhidmat sebagai Ketua Panitia	55
Jadual 4.3.5	Rumusan Taburan Keseluruhan Responden mengikut Demografi	55
Jadual 4.4.1.1	Analisis Tahap Kerja Berpasukan Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	56

Jadual 4.4.1.2	Analisis Tahap Dimensi Kerja Berpasukan berdasarkan Kategori Matapelajaran	57
Jadual 4.4.1.3	Taburan Tahap Kepuasan Kerja Ketua Panitia berdasarkan Kategori Matapelajaran	58
Jadual 4.4.2.1	Keputusan Ujian-t kerja berpasukan berdasarkan kategori panitia matapelajaran	59
Jadual 4.4.2.2	Keputusan Ujian-t kepuasan kerja berdasarkan kategori panitia matapelajaran	59
Jadual 4.4.3.1	Korelasi antara kerja berpasukan dengan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran teras	60
Jadual 4.4.3.2	Korelasi antara kerja berpasukan dengan kepuasan kerja ketua panitia matapelajaran wajib	61



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Pengurusan di sekolah telah lama mengamalkan kerja berpasukan di sekolah tetapi masih tidak begitu ketara dan terdapat sebahagian guru masih kurang memahami konsepnya. Sejak akhir-akhir ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat menggalakkan amalan pengurusan yang berkualiti di organisasi di bawahnya. Antara penekanan yang diberikan adalah kerja berpasukan. Melalui penerapan konsep kerja berpasukan dalam semua sektor akan dapat meningkatkan produktiviti, interaksi antara ahli dalam pasukan kerja, memberi kepuasan kerja serta dapat bersama-sama menyelesaikan sesuatu masalah yang kompleks.

Kerja berpasukan ini sangat penting di laksanakan di peringkat sekolah. Secara umumnya, guru-guru tidak boleh bekerja secara sendirian (individu), terutamanya bagi menyelesaikan kerja-kerja yang rumit. Melalui kerja berpasukan dapat juga menggalakkan penyataan perasaan, inovasi dan perkembangan fikiran ke arah penciptaan yang lebih kreatif. Malahan, kerja berpasukan juga merupakan salah satu dimensi yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kualiti pendidikan.

Di Malaysia, sekolah-sekolah rendah sama ada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) kumpulan pentadbirnya adalah terdiri daripada empat orang pemimpin utama iaitu Guru Besar, Guru Penolong Kanan Kurikulum, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum.

Berdasarkan carta jawatankuasa kurikulum setiap sekolah rendah, Guru Penolong Kanan Kurikulum atau lebih dikenali sebagai Guru Penolong Kanan 1 akan membantu Guru Besar dalam menerajui pengurusan kurikulum sekolah ke arah kecemerlangan akademik. Namun, kecemerlangan sesebuah sekolah bukan hanya

bergantung pada usaha Guru Besar dan barisan pentadbir tersebut sebaliknya amanah dan tanggungjawab tersebut turut dikongsi bersama ahli-ahli jawatankuasa kurikulum yang lain khususnya Ketua Panitia setiap matapelajaran.

Guru Penolong Kanan 1 mempunyai kuasa dan berpengaruh dalam jawatankuasa kurikulum sekolah kerana diberi mandat atau penurunan kuasa apabila ketiadaan Guru Besar di sekolah. Guru Penolong Kanan 1 merupakan pemimpin yang diberi kepercayaan oleh Guru Besar untuk melaksanakan tugas pentadbiran ketika beliau meninggalkan sekolah kerana urusan rasmi di luar sekolah. Hal ini sejajar dengan pendapat Sibbins (1991) yang melihat pengupayaan sebagai satu usaha dan ruang yang diberi kepada seseorang yang mampu menjalankan sesuatu dengan yakin. Manakala peranan Ketua Panitia Matapelajaran hanya bertindak sebagai pelaksana arahan daripada pihak atasan. Jurang peranan ini wujud kerana jawatan Guru Penolong Kanan 1 adalah dilantik dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan mematuhi beberapa laluan kerja mengikut prinsip-prinsip baru pengisian Jawatan Naik Pangkat Guru Penolong Kanan di sekolah rendah. Manakala jawatan Ketua Panitia hanya dilantik oleh Guru Besar berdasarkan faktor keperluan sekolah, senioriti (kekananan), opsyen guru atau sekadar mengisi kekosongan jawatan Ketua Panitia yang telah berpindah ke sekolah lain tanpa melihat gred jawatan atau pengalaman menguruskan panitia.

Selain itu, terdapat ketua Panitia yang kurang cekap dan tidak menunjukkan komitmen dalam pengurusan panitianya akibat kekurangan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran. Hal ini telah diterangkan dengan jelas oleh Pusphalata (2003) bahawa walaupun guru-guru berkerjasama dalam panitia tetapi ada kalanya mereka hanya menjadi pelaksana arahan tanpa komitmen dan seperti terpaksa. Masalah ini berlaku akibat kurangnya komitmen guru terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan kesan daripada kepimpinan yang kurang efektif ketidakfahaman guru terhadap objektif dan matlamat yang ingin dicapai dalam pasukan panitianya.

Kerja berpasukan dianggap sebagai satu langkah yang bijak dalam menangani isu guru yang tidak cekap di sekolah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu untuk menggalakkan pengurusan berkualiti dalam sektor pendidikan.

Penyataan ini disokong oleh Juran (1993) yang menyatakan kerja berpasukan dapat menanamkan semangat dan sikap gigih serta tekun pekerja untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Lazimnya, apabila manusia berasa puas dengan kerja yang dilaksanakannya, ia akan memberi kesan positif terhadap peningkatan produktiviti, kepuasan hidup dan kesihatan mereka. Antara faktor yang dapat mempengaruhi kepuasan kerja guru adalah kepimpinan yang efektif dalam kerja berpasukan. Menurut Whether dan Davis dalam Safrizal (2004), mereka menyatakan bahawa kepuasan guru akan dapat ditingkatkan melalui kerja berpasukan. Tegas mereka, Guru Penolong Kanan 1 selaku pemimpin ketua panitia perlu peka terhadap keperluan kerja Ketua Panitia dengan meningkatkan hubunga profesionalisme dan berkerja sebagai satu pasukan bagi menjana pencapaian akademik murid dan seterusnya kecemerlangan sekolah.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sistem Pendidikan Malaysia adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan kepada perkembangan emosi diri pelajar secara menyeluruh untuk melahirkan individu yang selimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah ini digunakan bagi melahirkan warga yang berketerampilan dan bertanggungjawab dalam segala bidang serta mampu menghadapi cabaran dalam menuju wawasan negara.

Walaubagaimanapun, kurikulum pendidikan masih berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana falsafah memainkan peranan sebagai dasar yang menjadi arah tuju, panduan dan bimbingan. Kurikulum yang berteraskan falsafah ini, umumnya adalah untuk membentuk pelajar / murid bagi perkembangan menyeluruh meliputi dimensi sosial dan dimensi intrinsik.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kurikulum bermaksud segala rancangan yang dikendalikan oleh sebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum adalah suatu rancangan yang meliputi segala

ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan norma unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya.

Pendidikan formal sekolah rendah bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) yang diperkenalkan sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Pada ketika itu, sistem pendidikan yang berkonsepkan 'pecah dan perintah oleh penjajah Inggeris turut berakhir. Perubahan arus globalisasi telah menyebabkan beberapa pindaan dan perubahan terhadap Akta Pelajaran dan juga kurikulum pendidikan negara. Misalnya, Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) telah ditukarkan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan kemudian atas implikasi keperluan kesepaduan dalam konteks matapelajaran, sekali lagi beberapa pindaan dalam Akta Pendidikan dibuat menyebabkan kurikulum ini diubah kepada Kurikulum Bessepadu Sekolah Rendah (KBSR). Kurikulum ini masih lagi digunakan bagi murid tahap 2 sekolah rendah manakala murid tahap 1 sekolah rendah telah menggunakan kurikulum yang ditransformasikan pada Januari 2011 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Walaupun kurikulum sekolah rendah sering berubah namun perubahan ini adalah satu perubahan yang positif dan mempunyai matlamat yang sama iaitu menekankan perkembangan menyeluruh dalam bidang intelek, rohani, jasmani dan sosial murid. Hal ini membolehkan murid memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran selaras dengan perkembangan semasa. Kurikulum sekolah rendah sentiasa digubal bagi menyediakan individu yang mampu bersaing dan memajukan diri serta negara pada masa kini dan masa akan datang (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Nilai-nilai murni dan semangat patriotik turut diberi penekanan dalam kurikulum sekolah rendah untuk memberi kesedaran kepada murid tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu.

Kurikulum sekolah rendah juga telah ditransformasikan mengikut perkembangan dan kehendak pendidikan semasa demi melahirkan murid yang efektif, proaktif dan mampu menyumbang khidmat bakti untuk pembangunan negara sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jesteru itu, bagi merealisasikan hasrat ini, maka ahli-

ahli jawatankuasa kurikulum di sekolah diseru untuk meningkatkan hubungan kerjasama antara ahli dan berusaha lebih gigih dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kurikulum untuk menjana kecemerlangan akademik murid.

Jawatankuasa kurikulum merupakan penggerak utama dalam pengurusan dan pelaksanaan agenda kurikulum di sekolah. Pihak yang berperanan penting terhadap keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan kurikulum di sekolah khususnya semua sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan ialah Guru Besar, Guru Penolong Kanan Kurikulum / Guru Penolong Kanan 1, Ketua Panitia dan guru-guru matapelajaran yang berkaitan dengan panitia tersebut. Gabungan mantap barisan pemimpin dalam jawatankuasa ini sudah pasti dapat mencetuskan idea-idea bernalas dan kritis untuk meningkatkan kualiti akademik sekolah.

Umumnya, di sekolah-sekolah rendah Wilayah Persekutuan Labuan terdapat tiga kategori yang menerajui panitia matapelajaran iaitu panitia matapelajaran teras, panitia matapelajaran wajib dan panitia matapelajaran tambahan. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada panitia matapelajaran dalam dua kategori sahaja iaitu panitia matapelajaran teras dan panitia matapelajaran wajib. Panitia matapelajaran teras diwakili oleh Panitia Bahasa Melayu, Panitia Bahasa Inggeris, Panitia Matematik, Panitia Sains, Panitia Pendidikan Islam, Panitia Pendidikan Moral, Panitia Kajian Tempatan dan Panitia Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Manakala panitia yang terlibat dalam panitia matapelajaran wajib ialah Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Panitia Pendidikan Seni, Panitia Muzik dan seterusnya Panitia Kemahiran Hidup.

Berdasarkan pengalaman penyelidik mendapati bahawa pihak pengurusan dan pentadbiran di sekolah rendah Wilayah Persekutuan Labuan amat menggalakkan amalan kerja berpasukan antara ahli-ahli dalam jawatankuasa kurikulum. Hubungan kerja antara Guru Penolong Kanan 1, Ketua Panitia dan ahli-ahli panitia dilihat sebagai elemen penting yang mampu memacu peningkatan kecemerlangan akademik sekolah. Hal ini telah disokong dan dijelaskan dalam kajian Mumtaz Begum dan Sani (2009) bahawa

perhubungan kerja yang kukuh dapat membantu membina pasukan kerja yang mantap dan memberi sumbangan bermakna kepada organisasi.

Sehubungan itu juga, hubungan kerja yang kukuh ini dapat diwujudkan dengan adanya kepimpinan yang berkesan daripada pemimpin panitia. Kebanyakan guru-guru yang memegang jawatan sebagai Guru Penolong Kanan 1 dan ketua panitia dalam panitia matapelajaran teras dan panitia matapelajaran wajib di negeri ini adalah dilantik daripada kalangan guru yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing. Pemimpin panitia ini juga dilihat telah mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang berkesan di sekolah. Daripada pemerhatian penyelidik melihat Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia saling berkerjasama antara satu sama lain untuk meningkatkan kecemerlangan panitia dan membantu ahli-ahli panitia yang mengalami masalah khususnya perkara-perkara yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Perkara ini dititikberatkan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berjalan lancar dan memenuhi objektif pengajaran.

Sebagai pemimpin panitia, Guru Kanan Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia berperanan untuk memaklumkan kepada ahli-ahli panitia tentang matlamat panitia, menyelesaikan perselisihan dan membina persetujuan dalam kalangan ahli. Dalam keadaan ini, Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia perlu berperanan menyelesaikan konflik di tempat kerja dan menurut Blumberg dan Pringle (1982), mereka perlu menggalakkan komunikasi yang jelas dalam kalangan ahli panitia. Hubungan komunikasi yang jelas dalam kalangan pemimpin dan ahli-ahli panitia sudah pasti akan meningkatkan kepuasan kerja. Melalui pengalaman penyelidik, kebanyakan pemimpin panitia kini dilihat berupaya mewujudkan suasan yang membimbang ahli-ahli panitia yang menghadapi masalah dan berhasil meningkatkan prestasi ahlinya. Hal ini sudah pasti dapat meningkatkan hubungan kerja dalam kalangan ahli-ahli panitia dan seterusnya dapat memenuhi kepuasan kerja dan kualiti perkhidmatan mereka.


Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa kecemerlangan sebuah organisasi tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan individu semata-mata sebaliknya lebih

berfokus kepada kecemerlangan kerja berpasukan. Kepentingan kerja berpasukan ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Little (1987) yang menyatakan bahawa kerja bersama adalah jauh lebih baik daripada kerja bersendirian. Sehubungan itu, penyelidik juga mendapati Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia dalam Panitia Matapelajaran teras dan wajib telah berusaha untuk mengaktifkan kerja berpasukan dalam kalangan ahli panitia. Mereka juga memastikan setiap ahli panitia saling berkerjasama, berkongsi idea dan saling mempercayai antara satu sama lain untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan kerja berpasukan di peringkat jabatan lebih berkesan. Tegasnya, kerja berpasukan diperlukan dalam panitia untuk memastikan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang dalam panitia dapat dilaksanakan dengan jayanya dan secara langsung dapat meningkatkan prestasi akademik murid.

Bagi memastikan kecemerlangan sekolah tercapai, pihak pengurusan sekolah sering kali membuat beberapa perubahan dalam organisasi sekolah. Dalam hal ini, Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia dilihat telah mengambil langkah yang bersifat dinamik dan sentiasa responsif agar dapat menyesuaikan diri untuk menghadapi perubahan tersebut. Mereka dilihat saling berkerjasama dan berusaha membentuk satu kerja berpasukan yang kukuh bagi memastikan visi dan misi sekolah tercapai. Alasan ini diperkuuhkan lagi dalam kajian Tee (2003) menyatakan bahawa perubahan yang berlaku di dalam sekolah merupakan satu proses keperluan dan harus dihadapi agar kecekapan kerja dapat dipertingkatkan bagi memastikan matlamat akhirnya tercapai.

Dalam situasi ini juga, Guru Penolong Kanan 1, dan Ketua Panitia sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi membendung unsur-unsur negatif yang boleh mempengaruhi keberkesanan kerja berpasukan. Tanggungjawab mereka bukan hanya mengagihkan tugas yang patut dilaksanakan dalam panitia sebaliknya setiap ahli panitia perlu diberikan maklumat yang jelas tentang tugas tersebut. Selain daripada itu, setiap ahli panitia perlu diberikan latihan atau kemahiran yang khusus dari semasa ke semasa agar pengetahuan dan kemahiran mereka dapat dipertingkatkan. Perhubungan yang terjalin secara profesional ini mampu mencipta suasana kerja berpasukan yang berkesan di sekolah.

Seperti yang telah diketahui, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berhasrat dan merancang untuk memartabatkan sistem pendidikan ke arah bertaraf dunia. Hal ini sedikit sebanyak telah menambah beban tugas Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia terutama dalam melaksanakan dasar-dasar pendidikan kerajaan. Namun, beban tugas ini tidak boleh dijadikan alasan kerana melalui keberkesanannya pelaksanaan amalan kerja berpasukan dapat meringankan beban tugas ini. Amalan kerja berpasukan ini sudah lama menjadi budaya sosial dalam Panitia Matapelajaran Teras dan Panitia Matapelajaran Wajib bagi seluruh sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan. Pembahagian tugas dalam kalangan ahli-ahli panitia akan dapat mengurangkan tekanan kerja dan sekaligus meningkatkan kepuasan kerja. Dalam kajian Razali (1999) menjelaskan bahawa pekerja yang mempunyai kadar tekanan yang rendah mengalami tahap kepuasan kerja yang tinggi. Guru Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia harus memastikan kerja berpasukan sentiasa diamalkan oleh setiap ahli panitia agar dapat menghalang wujudnya masalah dalam panitia. Sekiranya setiap panitia berjaya membentuk satu sistem kerja berpasukan yang berkesan sudah pasti sistem pendidikan di sekolah dan seterusnya negeri tersebut akan berada pada tahap yang cemerlang.



Kerja secara berpasukan perlu dilaksanakan dalam setiap panitia matapelajaran teras ataupun panitia matapelajaran wajib di sekolah kerana usaha ini dapat menyokong pencapaian visi dan misi sekolah tercapai. Zaidatol (2000) turut menyatakan bahawa setiap sekolah perlu diselia denga rapi, sempurna dan terancang supaya setiap kakitangan dapat berhubung dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mencapai matlamat pendidikan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi pendapat penyelidik, pihak sekolah akan sukar merealisasikan hasrat murni yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekiranya ahli-ahli panitia dalam jawatankuasa panitia matapelajaran teras atau wajib tidak mengamalkan sifat kerjasama dan sokongan padu sesama sendiri.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Pasukan kerja yang efektif merupakan satu agenda yang menjadi keutamaan bagi pihak pengurusan sekolah. Segala isu-isu pendidikan tidak lagi hanya berkaitan dengan sistem pendidikan dan persekolahan, tetapi juga melibatkan pelbagai faktor lain yang

mempengaruhi kualiti pendidikan. Oleh itu, satu pendekatan pengurusan sekolah haruslah bersifat holistik, iaitu melibatkan semua pihak dan dibuat secara berterusan. Oleh yang demikian, kerja secara berpasukan amat penting diamalkan di sekolah untuk menentukan kejayaan sesebuah sekolah.

Fokus dalam kajian penyelidik adalah berkaitan hubung antara kerja berpasukan dengan kepuasan kerja ketua panitia di sekolah rendah Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan pengalaman penyelidik yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Panitia mendapati bahawa kebanyakannya pihak pengurusan sekolah telah berusaha untuk merealisasikan agenda pendidikan negara dengan berusaha meningkatkan kualiti akademik pelajar demi mencapai kecemerlangan kurikulum sekolah.

Namun, ada sesetengah sekolah masih kurang berupaya mengamalkan pengurusan sekolah yang bersifat holistik. Kekurangan ini bukanlah berpunca daripada kelemahan pihak pentadbiran mengurus tetapi kesan daripada kurangnya komitmen antara Guru Penolong Kanan dan ketua-ketua panitia yang bersikap sambil lewa dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi. Kesannya, pembentukkan suatu pasukan kerja yang efektif yang telah menjadi keutamaan setiap pentadbir sekolah tidak dapat direalisasikan dengan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah boleh juga dianggap gagal dalam menangani isu dan masalah pendidikan pada masa kini. Penyataan ini disokong penuh oleh Shamsuddin (2002) yang menyatakan amalan pengurusan sekolah kurang berpusatkan pasukan kerja. Ini menyebabkan pasukan kerja yang wujud berbentuk pasukan fungsi yang diwujudkan kerana tuntutan struktur organisasi.

Kajian-kajian yang lepas menunjukkan terdapat banyak unsur yang mempengaruhi proses kerja berpasukan dalam sesebuah organisasi dan hubungannya dalam memperbaiki interpersonal dalam organisasi tersebut. Pfaff dan Huddleston (2003) menyatakan sekiranya unsur-unsur ini tidak diuruskan dengan baik, kesan negatif akan timbul. Daripada pemerhatian penyelidik, mendapati terdapat segolongan Guru Penolong Kanan 1 dan ketua-ketua panitia di sekolah-sekolah rendah di Wilayah ini masih gagal mencari penyelesaian bagi mengatasi unsur negatif yang boleh